

PPK 211

NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

NO MATRIK : 148634

Video 1

- Masalah pembelajaran merupakan salah satu ketidakupayaan seseorang yang boleh mengganggu aktiviti seharian dan mengganggu proses pembelajaran mereka. Apa yang saya dapat daripada video ini adalah, kita perlu bersyukur atas setiap nikmat yang diberikan. Orang-orang yang menghadapi masalah pembelajaran ini sangat menginginkan kehidupan seperti orang lain. Mereka ingin hidup bebas dan belajar sesuatu tanpa limit tetapi mereka tidak mampu. Apa yang perlu kita lakukan adalah dengan memberikan sokongan dan sentiasa memahami mereka, kita perlulah sabra dan menghargai. Sebagai seorang guru pendidikan khas, kita perlulah mendidik diri sendiri untuk membantu mereka dan memberi dorongan agar mereka dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik. Secara keseluruhannya, saya dapat memberitahu bahawa masalah pembelajaran ini merupakan suatu perkara perlu diambil berat, mereka memerlukan sokongan, dorongan dan bantuan kita semua. Oleh itu, kita perlu berusaha untuk memahami dan menghargai kehadiran mereka dalam kehidupan kita.

Video 2

- Definisi yang ingin disampaikan berkaitan masalah pembelajaran adalah mereka yang memerlukan proses untuk memahami sesuatu perkara yang berlaku, mereka akan mencuba untuk memproses benda yang asas, memahami, menerima, memproses, mengingat semula dan seterusnya cuba untuk berkomunikasi. Hal ini disebabkan, mereka tidak sama seperti orang lain, mereka memerlukan masa yang lama untuk mempelajari sesuatu perkara.

- Salah satu masalah pembelajaran adalah disleksia, mereka yang mengalami disleksia selalunya menghadapi kesukaran untuk membaca. Hal ini kerana, individu yang mengalami masalah disleksia ini berkait rapat dengan masalah kognitif yang menjadikan mereka sukar memahami apa yang mereka baca, pelajar bermasalah

pembelajaran menghadapi kesukaran dalam lisan seperti fonologi, morfologi, susunan kata dalam ayat dan pragmatik.

- Seterunya iaitu masalah dalam menulis (disgrafia) individu yang menghadapi masalah dalam pembelajaran juga menghadapi masalah kemahiran menulis disebabkan kesukaran mereka untuk memegang pen atau penselketika menulis dengan tangan, menulis huruf yang berlainan saiz, kelemahan dalam mengeja sesuatu perkataan, dan tidak memahami ayat yang kompleks. Mereka sukar untuk mengawal pergerakan disebabkan masalah yang dihadapi.

- Mereka yang menghadapi masalah pembelajaran juga banyak yang sukar untuk menyebut sesuatu ayat atau perkataan, mereka boleh menyebut tetapi mengambil masa yang agak lama, hal ini berkait rapat dengan kognitif di mana proses pemprosesan untuk menerima dan menghantar maklumat adalah lama.

- Mereka juga hadapi masalah dalam matematik (diskalkulia), mereka sukar untuk mengira nombor dan sukar untuk mengenal nombor. Mereka bermasalah dalam perkara-perkara yang melibatkan nombor seperti jam, saiz mahupu untuk mengira wang. Mereka lemah dalam pengiraan.

- Hal ini terjadi disebabkan masalah yang mereka hadapi dalam memproses maklumat, pemprosesan visual, sukar untuk mengadakan sosial dengan orang lain yang menjadikan mereka lemah dalam komunikasi, masalah auditori, dan sensori.

Video 3

-Terdapat 14 kategori dalam masalah pembelajaran. Setiap kategori memiliki kekurangan yang tersendiri dan cara untuk mengatasi kekurangan itu. Mereka sangat memerlukan sokongan dan bantuan terutamanya daripada pihak guru dan ibu bapa agar mereka dapat berdikari dan hidup dengan lebih baik. Antara kategori dalam masalah pembelajaran ini adalah mereka yang menghadapi masalah dalam intelektual, pendengaran, penglihatan, ketidakupayaan belajar khusus, lambat dalam perkembangan, emosi terganggu, lambat dalam bertutur, kemerosoton ortopedik, kekurangan dalam visual, gangguan kesihatan lain, kecederaan yang teruk pada bahagian otak, dan ada juga yang menghadapi banyak masalah seperti intelektual dan pendengaran dalam suatu masa. Mereka banyak menghadapi masalah dalam menulis,

mendengar, membaca dan menghadapi masalah dalam kehidupan seharian. Mereka tidak boleh melakukan aktiviti seperti orang lain atas keterbatasan masalah mereka. Pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh guru untuk membantu mereka seperti menggunakan teknologi yang sesuai, mengadakan suasana dan tempat belajar yang selesa buat mereka, menuli dalam perkataan yang besar, memberikan nasihat dan sokongan, dan banyak menggunakan bahan bantu mengajar seperti speaker, papan putih, buku yang besar dan lain-lain. Kekurangan pelajar ini dari segi kognitif, emosi, sosial banyak menyebabkan mereka tidak dapat bergiat aktif dan menahkakan aktiviti seharian mereka. Mereka juga mengambil masa yang lama untuk mempelajari sesuatu perkara dan sukar untuk menerima maklumat. Secara keseluruhannya, guru perlulah mengetahui setiap kategori masalah pendengaran yang dihadapi oleh murid agar mereka rasa dihargai dan mendapat sokongan. Guru perlu banyak menyediakan bahan bantu mengajar dan langkah untuk mengajar setiap masalah yang dihadapi. Semoga dengan adanya sokongan dan dorongan daripada pihak ibu bapa dan guru mampu menjadikan mereka individu yang lebih baik dan cemerlang seperti orang lain.